PENANG

PERCUMA

16 - 31 OKTOBER, 2025

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Hari Malaysia satukan semua negeri




RAMLI Ngah Talib (tiga dari kiri) menyempurnakan gimik Sambutan Hari Malaysia 2025 Peringkat Kebangsaan di *PICCA Convention Centre @Butterworth Arena* di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR & SIEW CHIA EN**

**BAGAN JERMAL** - Sambutan Hari Malaysia 2025 Peringkat Kebangsaan berlangsung meriah di *PICCA Convention Centre @ Butterworth Arena* di sini pada 16 September 2025.

Sambutan diserikan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Ramli Ngah Talib dan isteri, Toh Puan Raja Noora Ashikin Raja Abdullah.

Majlis berkenaan turut dimeriahkan dengan kehadiran Perdana Menteri, Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim bersama isteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof; Timbalan Premier Sarawak, Datuk Amar Douglas mewakili Premier Sarawak; Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Ir. Shahelmy Yahya yang mewakili Ketua Menteri Sabah; Menteri Komunikasi, Datuk Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil; serta barisan kepimpinan kerajaan negeri, persekutuan dan tetamu kehormat lain.

*(Sambungan di muka 2).*



ANTARA ribuan pengunjung yang tidak melepaskan peluang untuk bersalaman dengan Perdana Menteri di *PICCA Convention Centre @Butterworth Arena* baru-baru ini.



MOMEN yang sempat dirakam lensa pada Sambutan Hari Malaysia 2025 Peringkat Kebangsaan di sini.

*(Sambungan dari muka 1).*

# Kemajuan pembangunan mampan



**FAIZ Subri (berbaju Melayu biru) diberi mandat membaca ikrar sempena Sambutan Hari Malaysia 2025 di sini baru-baru ini.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam ucapannya berharap sambutan Hari Malaysia yang dimasyhurkan pada 16 September 1963 menjadi asas penyatuan Persekutuan Tanah Melayu bersama Sabah dan Sarawak, manakala sambutan pada tahun ini melambangkan penyatuan melalui kemajuan dan pembangunan mampan.

"Hari Malaysia 1963 menyatukan semua negeri, Hari Malaysia 2025 menyatukan kemajuan dan pembangunan mampan.

"Kemajuan Malaysia adalah kejayaan setiap negeri, termasuk Sabah dan Sarawak.

"Sebagaimana dua jambatan Pulau Pinang menghubungkan pulau dan tanah besar, demikianlah Malaysia menghubungkan Semenanjung, Sabah dan Sarawak dalam satu ikatan kukuh yang tidak mungkin terlerai," katanya.

Beliau menegaskan bahawa sambutan kali ini bukan sahaja memperingati sejarah, malah meneguhkan janji untuk melakar masa depan negara bangsa.

Dalam pada itu, beliau turut menyatakan bahawa Pulau Pinang sedang melangkah berani melalui projek mega seperti *Silicon Island*, yang dijangka menjadikan Malaysia peneraju semikonduktor global.

"Seiring dengan gagasan Penang2030 iaitu Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) membuka laluan kepada sistem pengangkutan moden, efisien dan mesra alam.

"Pendigitalan dan *Penang International Financial Centre* (PIFC) pula menjadikan negeri ini pusat inovasi, keusahawanan dan kewangan serantau berpaksikan rakyat, tanpa ada yang dipinggirkan," ujarnya.

Sementara itu, Ahmad Fahmi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 berkata, pemilihan Pulau Pinang sebagai tuan rumah mencerminkan hasrat Kerajaan Madani menjadikan sambutan kebangsaan lebih inklusif merentasi Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

"Pulau Pinang menjadi contoh hidup perpaduan, membuktikan perpaduan bukan sekadar slogan tetapi satu amalan yang subur," katanya.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memberitahu bahawa beliau baru pulang dari Doha, Qatar pada pertengahan September baru-baru ini selepas menghadiri Sidang Darurat membabitkan negara-negara Islam dan Arab untuk membincangkan kepentingan bersama termasuk isu Palestin.

"Daripada sidang itu, saya menyaksikan bahawa kekuatan dunia Islam dan Arab sukar menyaingi Israel yang didokong oleh Amerika Syarikat.

"Pengajaran yang dapat diambil adalah negara merdeka dan berdaulat mesti bersatu, mesti meleburkan kebencian serta prasangka antara kaum, agama, negeri dan wilayah demi kelangsungan negara," katanya yang juga Ahli Parlimen Tambun.

Terdahulu, sempena Sambutan Hari Malaysia 2025 pelbagai acara menarik diadakan termasuklah persembahan selamat datang 'Rentak Tradisi Pulau Mutiara'; upacara menandatangani Buku Khas, pemotongan kek serta menaikkan Jalur Gemilang.



**GELAGAT kanak-kanak berpakaian tradisional menceriakan sambutan Hari Malaysia 2025 di sini.**









**PERSEMBAHAN kebudayaan pelbagai etnik dan kaum sempena Sambutan Hari Malaysia 2025 mempamerkan perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia.**

# Selaraskan semula status tanah warta 25 bandar baharu

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri mengumumkan pewartaan pindaan sempadan bagi 10 bandar sedia ada serta pewujudan 25 bandar baharu di negeri ini bagi menyelaraskan klasifikasi tanah selaras dengan kepesatan pembangunan ekonomi dan sosial semasa.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pindaan diwartakan pada 4 September lalu melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang selaras Seksyen 11(ca) dan 11(d) Kanun Tanah Negara (Akta 828), melibatkan lebih 210,000 hak milik tanah dan 184,000 hak milik strata.

"Kerajaan Negeri berpandangan bahawa sejak pewartaan bandar-bandar sedia ada dibuat pada tahun 1966, sebahagian besar kawasan yang masih berstatus tanah desa seperti Bayan Baru, Bukit Jambul, Seberang Jaya, Bandar Perda, Bandar Cassia, Simpang Ampat, Teluk Air Tawar dan Bertam telah membangun begitu pesat dan kepadatan penduduk juga meningkat dengan ketara.

"Maka, penyelarasan semula ini penting untuk memastikan pentadbiran dan pembangunan negeri terus cekap dan teratur selaras dengan Dasar Perbandaran Negara Ke-2 (DPN2) 2018-2025," ujarnya pada sidang media di sini, 17 September lalu.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, H'ng Mooi Lye; Exco Perumahan dan Alam Sekitar, Dato' Seri S. Sundarajoo; Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol; Exco Pembangunan Sosial, Kebajikan dan Hal Bukan Islam, Lim Siew Khim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Wong Yuee Harng.

Turut serta, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Zulkifli Long; Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Pulau Pinang, Dato' Dr. Faizal Kamarudin dan Penolong Pengarah Kanan (Pembangunan) PTG Pulau Pinang, Mohd. Lokman Hakim Syed Sultan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa pindaan ini juga akan memperkukuh kutipan hasil negeri melalui sistem percukaian tanah yang lebih adil dan saksama.

"Pindaan ini juga sebenarnya amat penting dalam usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran daerah dan pembangunan negeri menjelang tahun 2030.

"Pada masa sama, ia akan dapat meningkatkan kecekapan pengurusan hasil negeri khususnya melalui kutipan cukai tanah dan cukai petak, sekali gus mewujudkan sistem pencukaian tanah yang lebih adil dan saksama kepada semua pemilik tanah di Pulau Pinang memandangkan pewartaan bandar sedia ada dibuat hampir 60 tahun lalu," ulasnya.

Menurut beliau, takrifan DPN2 mendefinisikan istilah 'Bandar' sebagai kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai kepadatan penduduk berjumlah 10,000 orang atau lebih.

"Selain itu, 'Bandar' juga merujuk kepada kawasan pentadbiran daerah walaupun penduduknya kurang 10,000 orang tetapi sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk berumur 15 tahun dan ke atas serta terlibat dalam aktiviti bukan pertanian," jelasnya sambil merujuk kepada 11 kriteria yang menjadi panduan dalam menetapkan sempadan sesuatu bandar.

Tambah beliau, kriteria lain termasuk saiz penduduk, faktor geografi, kawasan sensitif alam sekitar, kawasan tepu bina, kawasan *'brownfield'*, kawasan pembangunan komited, sempadan lot, jajaran jalan utama dan kawasan berpotensi untuk dibangunkan dalam Rancangan Pembangunan.

Jelas beliau, berdasarkan hierarki baharu secara keseluruhannya terdapat 42 bandar di Pulau Pinang kini.

"Bandar sedia ada yang diperluas adalah Bayan Lepas, Balik Pulau, Batu Ferringhi, Tanjong Bungah, George Town, Bukit Mertajam, Sungai Bakap, Nibong Tebal, Kepala Batas dan Butterworth.

"Manakala tujuh yang lain dikekalkan membabitkan kawasan Tanjong Tokong, Tanjong Pinang, Air Itam, Jelutong, Bukit Bendera, Perai dan Gelugor.

"Bagi 'Bandar Baharu' pula, melibatkan kawasan seperti Bayan Baru, Batu Maung, Sungai Ara, Pulau Silikon, Bukit Jambul, Puncak Penara, Mutiara Perdana, Pinang Emas, Bayu Emas, Lembah Permai, Alma, Bukit Minyak, Bukit Tengah, Bandar Perda dan Seberang Jaya.

"Ini termasuk juga kawasan Jawi, Bandar Cassia, Simpang Ampat, Bandar Tasek Mutiara, Sungai Dua (di Seberang Perai Utara), Teluk Air Tawar, Bertam,Tasek Gelugor, Pokok Sena dan Ara Kuda.

"Manakala, selain daripada senarai ini, kawasan-kawasan lain masih kekal diklasifikasikan sebagai 'Desa'," ujarnya yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi.

## DAERAH SEBERANG PERAI UTARA




## DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH




## DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN




## DAERAH TIMUR LAUT




## DAERAH BARAT DAYA



# Kadar baharu cukai tanah kekal untuk tempoh minimum 10 tahun

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Pihak Berkuasa Negeri Pulau Pinang telah mewartakan kadar baharu cukai tanah bagi seluruh negeri di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828) melalui Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang No. 37 bertarikh 11 September 2025.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, kadar baharu itu akan berkuat kuasa mulai 1 Januari 2026 dan melibatkan hampir 370,000 hak milik tanah di seluruh Pulau Pinang.

“Kadar baharu cukai tanah ini telah diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 2024 dan semakan hanya akan dibuat setiap 10 tahun sekali.

“Ini bermakna, kadar baharu yang berkuat kuasa 1 Januari 2026 akan dikekalkan tanpa sebarang kenaikan sekurang-kurangnya sehingga tahun 2036,” katanya pada sidang media di sini, 19 September lalu.

Kon Yeow yang juga Exco Kewangan, Pembangunan Ekonomi & Tanah dan Komunikasi menjelaskan bahawa semakan perlu dilaksanakan kerana kadar cukai tanah tidak pernah disemak sejak 30 tahun lalu.

“Kali terakhir kajian kadar cukai tanah dibuat adalah pada tahun 1994, bermakna Kerajaan Negeri tidak membuat semakan pada dua pusingan iaitu tahun 2004 dan 2014.

“Keadaan ini menyebabkan hasil cukai tanah tidak meningkat dalam tempoh yang lama, selain wujud tunggakan dan ketirisan kutipan kerana pemurnian data tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya,” ujarnya.

Beliau menegaskan, semakan kali ini tidak melibatkan 300,000 akaun cukai petak strata yang mana semakan lebih tertumpu kepada tanah kategori perindustrian dan perniagaan.

“Tanah perniagaan dan perindustrian berpotensi besar menjana keuntungan, maka kenaikan lebih tertumpu kepada kategori tersebut.

“Kesan terhadap pemilik tanah kediaman dan pertanian pula adalah kecil, contohnya kadar minimum tanah kediaman bandar hanya meningkat daripada RM40 kepada RM50,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyatakan bahawa bagi mengurangkan impak kenaikan kadar cukai tanah, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkenal beberapa insentif.

“Rebat bayaran cukai sebanyak 32.5 peratus diberikan pada 2026, diikuti 20 peratus pada 2027 dan 2028.

“Semua pemilik tanah akan menikmati rebat tanpa mengira kategori, namun sekiranya jumlah selepas rebat lebih rendah daripada amaun sedia ada yang dibayar pada 2025, maka bayaran dikekalkan pada kadar lama.

“Rebat ini dijangka menyebabkan hasil cukai berkurang antara RM80 hingga RM100 juta setahun sepanjang 2026 sehingga 2028,” katanya.

Selain itu, tambahnya lagi, Kerajaan Negeri turut melaksanakan pengecualian 100 peratus denda tunggakan cukai tanah dan cukai petak bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2026, melibatkan jumlah sekitar RM25 juta yang bertujuan menggalakkan pemilik melunaskan tunggakan.

"Seterusnya adalah pemberian diskaun 50 peratus kadar premium untuk pertukaran kategori tanah pertanian kepada bangunan (kediaman sahaja dan bukan pembangunan perumahan) bagi tujuan kediaman sahaja tertakluk kepada garis panduan perancangan.

"Diskaun ini ditawarkan sepanjang tahun 2026 bagi menggalakkan semua pemilik tanah kategori pertanian yang berada dalam zon perlingkungan pembangunan menukar kategori tanah masing-masing daripada pertanian kepada bangunan," jelasnya.

Tambah beliau lagi, pemberian insentif tersebut juga akan membantu pemilik-pemilik tanah kategori pertanian meningkatkan nilai pemilikan tanah dan kediaman persendirian masing-masing.

"Insentif ketiga adalah pemberian pelbagai cenderahati dalam bentuk barangan dapur selain cabutan bertuah kepada pembayar cukai tanah dan cukai petak strata yang membayar melalui Aplikasi PgLand secara dalam talian *(online)*.

"Insentif ini diberikan bagi menggalakkan pembayaran cukai secara dalam talian dalam kalangan pemilik-pemilik tanah dan petak strata di negeri ini," ujarnya.

Turut hadir pada sidang media tersebut ialah Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang, Dato’ Dr. Faizal Kamarudin dan Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Lau Keng Ee.

## KADAR ISTIMEWA

**LANDASAN KERETAPI**
RM100.00 per lot

**PAIP GAS**
RM0.50 / m.p.

**PAIP AIR**
RM0.22 / m.p.

**PAIP MINYAK**
RM0.50 / m.p.

**LEBUHRAYA BERTOL**
RM200.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar

**KUARI**
RM3.25 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM1,200.00 (minimum) / lot

**PADANG GOLF**
RM2,500.00 per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar

**UTILITI**
RM3.25 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM1,200.00 (minimum) / lot

**TANAH MILIK PESURUHJAYA TANAH PERSEKUTUAN UNTUK TUJUAN AWAM**
RM0.54 / m.p. dengan sekurang-kurangnya RM50.00 (minimum) / lot

**MASJID, RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM, TANAH KUBUR**
RM50.00 Nominal

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

## KADAR CUKAI BAGI TANAH BANDAR

**KEDIAMAN**
**RM0.70**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM70.00** (minimum)/lot

**PERNIAGAAN**
**RM3.25**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM325.00** (min)/lot

**PERINDUSTRIAN**
**RM3.25**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM1,200.00** (min)/lot

**LAIN-LAIN**
**RM0.70**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM70.00** (min)/lot

George Town - Jelutong - Ayer Itam - Glugor - Bukit Bendera - Tanjong Bungah - Tanjong Tokong - Tanjong Pinang - Batu Ferringgi - Bukit Jambul - Puncak Penara - Perdana Mutiara - Pinang Emas - Bayu Emas - Lembah Permai - Bayan Lepas - Balik Pulau - Bayan Baru - Batu Maung - Sungai Ara - Pulau Silikon - Kepala Batas - Butterworth - Sungai Dua - Teluk Air Tawar - Bertam - Tasek Gelugor - Pokok Sena - Ara Kuda - Bukit Mertajam - Prai - Alma - Bukit Minyak - Bukit Tengah - Bandar Perda - Seberang Jaya - Nibong Tebal - Sungai Bakap - Jawi - Bandar Cassia - Simpang Ampat - Bandar Tasek Mutiara

## KADAR CUKAI BAGI TANAH DESA

**KEDIAMAN**
**RM0.50**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM50.00** (minimum)/lot

**PERNIAGAAN**
**RM2.80**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM280.00** (min)/lot

**PERINDUSTRIAN**
**RM3.25**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM1,200.00** (min)/lot

**LAIN-LAIN**
**RM0.50**/m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM50.00** (min)/lot

Tanah desa yang merujuk kepada mana-mana tanah yang terletak di luar sempadan tanah bandar

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

## KADAR CUKAI KATEGORI PERTANIAN

| | |
|---|---|
| GETAH | **RM75.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| KELAPA SAWIT | **RM99.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| BUAH-BUAHAN (SELAIN DURIAN) | **RM80.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| TANAMAN INDUSTRI | **RM60.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| TANAMAN KONTAN | **RM40.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| TANAMAN PADI | **RM15.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| FLORIKULTUR | **RM120.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| TERNAKAN HAIWAN | • RUMINAN **RM250.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar<br>• UNGGAS **RM500.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar<br>• BABI **RM750.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar<br>• AKUAKULTUR **RM750.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| DURIAN | **RM800.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| LAIN-LAIN PERTANIAN | **RM25.00** per hektar per tahun atau sebahagian daripada hektar |
| KUARI | **RM3.25** / m.p. dengan sekurang-kurangnya **RM1,200.00** (minimum) / lot |
| RUMAH KAMPUNG | **RM50.00** per lot |

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

## PEMBERIAN INSENTIF CUKAI TANAH

### REBAT CUKAI TANAH

| TAHUN | REBAT |
|---|---|
| 2026 | 32.5% |
| 2027 | 20% |
| 2028 | 20% |

### PENGECUALIAN TUNGGAKAN

**PENGECUALIAN PENUH (100%) TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DAN CUKAI PETAK DALAM TEMPOH 1 JANUARI 2026 – 31 DISEMBER 2026**

### DISKAUN PREMIUM

**PERMOHONAN TUKAR KATEGORI TANAH DAN SYARAT NYATA PERTANIAN KEPADA BANGUNAN UNTUK KEDIAMAN SAHAJA**

- TUKAR KATEGORI TANAH PERTANIAN KEPADA BANGUNAN DENGAN KADAR PREMIUM YANG RENDAH.
- PERMOHONAN PINDAAN SYARAT NYATA DARIPADA *FIRST GRADE* ATAU *CONDITION A/B/C* KEPADA KATEGORI MENGIKUT KANUN TANAH NEGARA / BANGUNAN UNTUK KEDIAMAN.

PENTADBIRAN TANAH NEGERI PULAU PINANG

# Teroka teknologi tanam padi ratun

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **SITI NURATIKAH RAHMAT & EXCO**

**PULAU** Pinang berpotensi menjadi negeri pertama dalam negara perkenalkan teknologi penanaman padi ratun *(ratoon rice)* dari China, iaitu suatu kaedah yang membolehkan padi dituai dua kali dengan hanya sekali tanam.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, **FAHMI ZAINOL** berkata bahawa teknologi tersebut diperkenalkan oleh *Fujian Agriculture and Forestry University* (FAFU), sebuah institusi penyelidikan pertanian utama di wilayah Fujian, China.

"Semasa lawatan saya ke wilayah Fujian baru-baru ini, selain menandatangani memorandum persefahaman, saya juga sempat melawat ke beberapa lokasi untuk melihat teknologi pertanian di sana, khasnya penanaman padi.

" Saya berpandangan bahawa teknologi penanaman padi ratun berpotensi meningkatkan produktiviti padi sekiranya berjaya dilaksanakan di negeri ini.



**FAHMI Zainol.**

"Saya juga telah mengemukakan permohonan kepada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk meneroka teknologi ini bersama, termasuk kemungkinan kerjasama bagi melaksanakannya di Malaysia, khasnya di Pulau Pinang.



**FAHMI Zainol (duduk, kiri) diberi penerangan mengenai teknologi pertanian padi ratun ketika melawat ke salah sebuah kawasan sawah di Fujian, China baru-baru ini.**

"(Dan) jika berjaya, ia akan membuka lembaran baharu dalam industri pertanian padi negara," katanya ketika ditemui pada 22 September 2025.

Menurut Fahmi, sebagai makanan ruji rakyat Malaysia, adalah wajar untuk pihak kerajaan meneroka pendekatan yang lebih inovatif dalam meningkatkan hasil pengeluaran padi.

"Justeru, saya juga telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi mendapatkan peruntukan penaiktarafan sistem pengairan dan infrastruktur penanaman padi di Pulau Pinang.

*(Sambungan di muka 9).*

DISKAUN 5%
*UNTUK BUMIPUTERA

TAMAN IKS BUKIT MINYAK








TAMAN INDUSTRI IKS BUKIT MINYAK
RM5,134,750 (Min.) - RM12,038,000 (Maks.)

- Galas Beban Lantai Bawah 2 ton/m2
- Keluasan Tanah: 12,616 - 34,310 Kaki Persegi
- Keluasan Binaan: 7,003 - 11,005 Kaki Persegi
- Bekalan Elektrik: 200 - 300AMP
- Ketinggian Siling Pengeluaran: 9 meter
- Jenis Harta: (a) Jenis A dan Jenis B, Kilang Berkembar 1 Tingkat dengan Pejabat Dua Tingkat
  (b) Jenis C, Kilang Sesebuah 1 Tingkat dengan Pejabat Dua Tingkat
- Pegangan Bebas
- Jangka Siap: Awal Tahun 2026

NEWSTAR LAND (M) SDN BHD
UNIK MEWAH SDN BHD No. Syarikat 202301014586 (1508508-A)
12070F , Jalan Usahajaya, Taman Perindustrian Ringan Usahajaya Permatang Tinggi, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.
UNTUK MAKLUMAT LANJUT 012 511 8375

Maklumat yang terkandung di sini tertakluk pada perubahan tanpa pemberitahuan sebagaimana yang dikehendakioleh pihak berkuasa berkenaan atau arkitek pemaju dan tidak boleh menjadi sebahagian daripada tawaran atau kontrak. Walaupun segala penelitian telah diambil dalam penyediaan maklumat ini, pemilik, pemaju dan pihak pengurusan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebaran variasi. Semua ilustrasi dan gambaran hanya tanggapan artis sahaja. Semua barangan tertakluk pada variasi, pengubahsuaian dan penggantian sebagaimana yang disyorkan oleh arkitek syarikat dan/atau pihak berkuasa yang memberikan kelulusan.

Laporan Khas Hari Kesihatan Mental Sedunia

# Hasil penyelidikan akademik sebagai cadangan polisi berkesan

**KESIHATAN** mental merupakan antara isu yang semakin menjadi perhatian global kini.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2023 mendedahkan bahawa seramai sejuta rakyat atau 4.6 peratus penduduk berusia lebih 15 tahun di negara ini mengalami kemurungan. Angka itu meningkat dua kali ganda berbanding tahun 2019, dengan golongan muda berusia 16 hingga 29 tahun mencatatkan jumlah tertinggi.

Kajian sama turut menunjukkan peningkatan ketara masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak, remaja dan belia – daripada 7.9 peratus pada 2019 kepada 16.5 peratus pada 2023.

Sehubungan itu, sempena Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia tahun ini, Buletin Mutiara berpeluang menemu bual Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) Universiti Sains Malaysia (USM) yang juga Kaunselor Berdaftar, **PROF. MADYA DR. RAHIMI CHE AMAN, KB; PA** bagi mendapatkan pandangan beliau mengenai isu kesihatan mental dari perspektif akademik.

## Hari Kesihatan Mental Sedunia

Rahimi menjelaskan, Hari Kesihatan Mental Sedunia yang disambut pada **10 Oktober setiap tahun sejak 1992**, merupakan inisiatif global untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesejahteraan mental.

"Hari Kesihatan Mental Sedunia memberi ruang kepada kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), sektor awam, swasta serta institusi pendidikan untuk memainkan peranan masing-masing.

"Jika semua pihak berganding bahu, masalah kesihatan mental masih boleh dibendung pada peringkat awal," katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI** ketika ditemui di pejabatnya pada 29 September lalu.

Rahimi memberitahu bahawa tema sambutan tahun ini menekankan kesan krisis kemanusiaan global seperti bencana alam, peperangan, kebuluran dan kegawatan ekonomi terhadap kesihatan mental masyarakat.

Ini kerana menurut beliau, setiap krisis yang berlaku pasti akan membawa kepada kehilangan nyawa yang akan memberi kesan kepada kesihatan mental dan emosi mereka yang terlibat.

"Sebab itu saya berpendapat bahawa Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia penting dalam memberikan kesedaran dan advokasi kepada masyarakat sama ada dalam negara atau pada peringkat global," ujarnya.

Mengulas lanjut, Rahimi menyatakan bahawa semua pihak mempunyai peranan masing-masing dalam memberi maklumat dan kesedaran mengenai kepentingan kesihatan mental.

"Penyakit mental sukar dikenal pasti, tambahan pula, penyakit mental sering menyerupai keadaan lain seperti perubahan emosi yang disebabkan oleh tekanan atau hormon serta kurangnya ujian saintifik yang jelas untuk mengesahkan penyakit-penyakit ini.

"Oleh itu, semua pihak perlu memainkan peranan untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai gejala penyakit mental serta rawatan awal yang boleh dilakukan bagi mengelakkan ia menjadi lebih parah seperti kegelisahan, kemurungan dan skizofrenia," katanya.



RAHIMI Che Aman.

## Stigma masyarakat

Menurut beliau, stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap pesakit mental masih menjadi cabaran utama.

"Stigma dan salah faham dalam kalangan masyarakat menyebabkan individu yang mengalami penyakit mental tidak mahu mendapatkan bantuan profesional.

"Stigma yang menganggap individu dengan penyakit mental ini tidak boleh diubati telah menyebabkan jurang yang meluas bagi pesakit mental untuk mendapatkan rawatan yang sewajarnya," ulasnya.

Selain stigma, *self-stigma* atau stigma kendiri juga menyumbang kepada masalah ini, terutamanya dalam kalangan lelaki.

"Perasaan malu dan ego menyebabkan mereka (lelaki) tidak mahu mendedahkan kesedihan emosi mereka kerana ingin sentiasa dilihat kuat," katanya.

## Peranan akademik

Peranan akademia menurut Rahimi, amat penting untuk membantu kerajaan merangka dasar serta polisi yang jelas dalam memenuhi keperluan setiap lapisan masyarakat.

"Pelaksanaan sesuatu strategi memang datang secara bersama di antara pihak kerajaan, badan-badan akademik, NGO, syarikat swasta serta lain-lain agensi dalam memastikan dasar yang digubal dapat membentuk masyarakat yang sejahtera," ujarnya.

Tambah beliau, USM sendiri telah melaksanakan program intervensi di sekolah untuk membantu pelajar yang berdepan kehilangan ahli keluarga, di samping membangunkan instrumen kesejahteraan psikologi pekerja merangkumi tujuh elemen termasuk mental dan kewangan.

"Sebagai majikan, USM perlu peka terhadap kesejahteraan pekerja kerana sistem sokongan sangat penting untuk produktiviti.

"Sekiranya berjaya, insyaAllah sistem ini juga boleh diimplementasi kepada sektor kerajaan seterusnya pihak swasta sebagai langkah intervensi dalam menjaga kesihatan mental pekerja," jelasnya sambil menambah bahawa PPIP juga mengadakan kerjasama dengan pihak industri menerusi USAINS Holding Sdn. Bhd. (USAINS).

Justeru, turut menyarankan agar kerajaan menyediakan geran khas kepada universiti bagi menjalankan penyelidikan serta membangunkan modul menangani isu kesihatan mental.

## Melahirkan kaunselor berkualiti

Dalam menangani isu kesihatan mental yang semakin kompleks, USM tampil dengan pelbagai inisiatif bagi melahirkan kaunselor yang benar-benar berkualiti.

Antaranya adalah dengan mendedahkan mahasiswa dalam lapangan semasa menjalani latihan praktikal seperti pusat jagaan anak yatim, rumah tunas bakti, hospital dan penjara untuk memastikan mereka mendapat pengalaman yang berbeza.

"Uniknya di USM, kami ada kursus tumpuan iaitu intervensi krisis, kanak-kanak serta remaja, organisasi dan kekeluargaan yang boleh dipilih oleh mahasiswa pada tahun akhir mereka.

"Selain itu, USM juga menitikberatkan aspek kualiti dan bukan sekadar melahirkan kaunselor semata-mata kerana kami perlu mematuhi standard Lembaga Kaunselor Malaysia," katanya.

Serentak itu, Rahimi mencadangkan supaya jumlah perjawatan kaunselor ditambah, khususnya di Pulau Pinang yang berpenduduk padat dan semakin menua.

"Contohnya di pusat penjagaan warga emas perlu ditempatkan seorang kaunselor bagi memenuhi keperluan psikologi mereka,'' ulasnya lanjut.

## AI sebagai pelengkap

Mengulas peranan teknologi, Rahimi berkata kecerdasan buatan (AI) kini digunakan di beberapa negara maju sebagai pelengkap perkhidmatan kaunseling.

"Saya sendiri pernah menyertai latihan bersama pertubuhan kesihatan mental di Amerika Syarikat dan mendapati bahawa di sana sudah mula menggunakan AI dalam perkhidmatan kesihatan mental.

"Walaupun tidak boleh menggantikan peranan kaunselor profesional sepenuhnya kerana tiada sentuhan kemanusiaan, tetapi AI mampu menjadi pelengkap sekiranya seseorang individu itu mahu mendapatkan bantuan segera.

"Ini keranan AI boleh diakses pada setiap masa dan merupakan pilihan kepada mereka yang kurang berkemampuan dari segi kewangan atau mempunyai kekangan masa untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling secara bersemuka," ujarnya.

Beliau menambah, generasi muda yang lebih selesa berinteraksi secara digital mungkin mendapat manfaat daripada kaunseling berasaskan AI.

"Penggunaan AI memang tidak boleh dielak, tetapi apa yang penting adalah kita perlu melihat kemudahan ini dari sisi positif sebagai penyelesaian sementara.

"Pengguna harus bijak menapis dan menilai dengan memastikan perkhidmatan yang diterima, disediakan oleh penyedia perkhidmatan yang beretika dan profesional," tegasnya.

Mengakhiri wawancara, Rahimi menasihatkan masyarakat agar sentiasa menjaga kesihatan emosi dan fizikal.

"Sebagai individu, kita perlu menilai diri sendiri untuk memastikan kita sihat dari segi emosi dan fizikal seterusnya dapat menyumbang kembali kepada masyarakat termasuk keluarga, komuniti, negeri dan negara," katanya.

**Laporan Khas Hari Kesihatan Mental Sedunia**

# Sinergi kerajaan, anda tidak bersendirian

**HARI** Kesihatan Mental Sedunia disambut pada 10 Oktober setiap tahun sebagai usaha global meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesejahteraan mental.

Di Pulau Pinang, sambutan peringkat negeri diadakan pada 26 Oktober 2025 di perkarangan Klinik Kesihatan Air Putih, Balik Pulau yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam mempromosikan kesihatan mental.

Tahun ini, tema sambutan adalah 'Akses kepada Perkhidmatan: Kesihatan Mental dalam Krisis dan Bencana', yang menekankan keperluan rawatan sewajarnya terutama ketika berdepan kecemasan, krisis mahupun bencana.

Seiring usaha itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Pejabat Exco Belia, Sukan dan Kesihatan bersama-sama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah menubuhkan Jawatankuasa Kecil Kesihatan Mental bagi memperkukuh usaha menangani isu kesihatan mental di negeri ini.

Exco Belia, Sukan dan Kesihatan, **DANIEL GOOI ZI SEN** berkata, jawatankuasa kecil tersebut menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan seperti Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di bawah satu sinergi yang mana JKNPP bertindak selaku urus setia.

Selain jalinan kerjasama agensi kerajaan, kata Zi Sen lagi, Pulau Pinang amat bertuah kerana mempunyai banyak NGO yang sangat proaktif dan dedikasi terhadap isu kesihatan mental.

"Maka melalui Jawatankuasa Kecil Kesihatan Mental ini, kita dapat menyelaraskan kerjasama antara kerajaan dan NGO untuk memperluas capaian sokongan kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika hadir ke wawancara khas bersama-sama wartawan Buletin Mutiara, **AINUL WARDAH SOHILLI** dan jurugambar, **LAW SUUN TING**. Turut sama, sukarelawan dari organisasi yang menyediakan perkhidmatan sokongan emosi dan talian bantuan 24 jam, *Befrienders*.

Menurut Zi Sen, antara agenda utama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada peringkat nasional adalah mewujudkan Komuniti Minda Sejahtera atau *'K-MindSet'* yang melatih sukarelawan untuk menjadi ejen perubahan bagi perkukuhkan kesihatan mental dalam komuniti dengan menyebarkan mesej positif dan memberi sokongan awal psikologi.

"Selain itu, penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH) juga memperkukuh sistem kesihatan mental melalui pendekatan yang lebih terancang dan bersepadu dalam aspek advokasi, penyelidikan, peruntukan serta pembangunan komuniti.

"Pada peringkat negeri, kita juga bergerak secara proaktif dengan kerjasama NGO dengan menumpukan kesejahteraan kumpulan berisiko menghadapi isu kesihatan mental," ujarnya.

Bercakap mengenai penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) atau *'chatbot'* sebagai perantara awal atau 'teman bicara' sokongan saringan kesihatan mental, Zi Sen mengakui bahawa ia merupakan suatu peluang besar untuk meluaskan capaian perkhidmatan kesihatan mental.

"Contohnya aplikasi 'MyMinda' dalam MySejahtera turut menggunakan teknologi AI dan digital bagi mendapatkan maklumat awal dan sokongan psikososial asas.

"Walau bagaimanapun, aspek keselamatan data dan kerahsiaan; kandungan maklumat dan integrasi dengan perkhidmatan sedia ada mestilah dijamin sepenuhnya," jelasnya.

Beliau menegaskan bahawa *'chatbot'* bukanlah pengganti profesional kesihatan mental, sebaliknya berfungsi sebagai pelengkap untuk memperluas capaian perkhidmatan.

"Kita sedar bahawa masih ramai dalam kalangan masyarakat berasa segan, takut atau malu untuk mendapatkan rawatan kerana stigma.

"Di sinilah platform digital berasaskan AI ini memainkan peranan sebagai "teman bicara" pertama yang mesra, mudah diakses, serta beroperasi 24 jam sehari sebelum dirujuk kepada pakar atau perkhidmatan klinikal sekiranya diperlukan," katanya.



**DANIEL Gooi Zi Sen.**

Sebelum mengakhiri bicara, Zi Sen menyeru semua pihak agar terus memberi perhatian terhadap kesihatan mental dan bersama-sama berganding bahu menghapuskan stigma yang masih menebal dalam masyarakat.

"Setiap individu perlu tahu bahawa mereka tidak bersendirian, *you'll never walk alone* kerana bantuan sentiasa ada dan jangan malu atau segan untuk mendapatkan sokongan.

"Kesihatan mental adalah tanggungjawab bersama dan usaha ini memerlukan kerjasama dari semua pihak termasuk NGO dan akademia," tegasnya.

## NGO sebagai 'pendamping'

**HARI** Kesihatan Mental Sedunia yang disambut setiap 10 Oktober saban tahun bukan sahaja menjadi detik peringatan, tetapi juga medium penting dalam menyemai kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan mental.

Menurut laporan sebuah portal kesihatan digital, *Hello Doktor*, masalah kesihatan mental sukar didiagnosis kerana tidak dapat dilihat dengan mata kasar, sekali gus menjadikannya cabaran besar untuk dikenal pasti.

Dalam usaha membantu individu yang berdepan isu ini, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) turut memainkan peranan penting sebagai pendamping dan penyokong moral.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** baru-baru ini menemu bual seorang sukarelawan di organisasi yang menyediakan perkhidmatan sokongan emosi dan talian bantuan 24 jam, *Befrienders*, **K. SANTA**, bagi memahami cabaran sebenar dalam menangani isu tersebut.

Ditanya mengenai keberkesanan kempen kesedaran, beliau berpandangan bahawa kempen berkaitan sedikit sebanyak membantu, namun ia masih belum mencukupi.

“"Sebagai salah satu NGO di Pulau Pinang, kami banyak bekerjasama dengan organisasi lain bagi membantu individu yang mengalami masalah mental mendapatkan capaian sokongan yang lebih luas.

"Namun, keadaan menjadi lebih mencabar apabila kes berkaitan kesihatan mental meningkat mendadak selepas pandemik COVID-19," jelasnya.

Mengulas mengenai penggunaan kecerdasan buatan (AI) sebagai alternatif rawatan, Santa menyatakan bahawa ia kurang sesuai.

"Masalah mental memerlukan sentuhan manusia dan pada pandangan saya, AI hanyalah sesuatu yang diprogramkan serta tidak mampu menandingi sifat subjektif serta kompleksiti emosi manusia.

"Oleh itu, sokongan manusia masih sangat diperlukan," katanya yang sudah lebih 10 tahun bergiat dalam bidang ini.



**K. Santa.**

Beliau menambah, kerjasama dengan institusi pendidikan dan sektor korporat kini lebih positif berbanding dahulu.

*(Sambungan di muka 15).*

# Batik Malaysia Madani serlah kreativiti

**KONSEP** Malaysia Madani yang diolah secara kreatif melalui rekaan pakaian kawad akhirnya membuahkan hasil apabila kontinjen Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pakaian Terbaik pada perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri 2025 baru-baru ini.

Pengarah Khidmat Perusahaan MBPP, **AZMAN SIRUN** berkata bahawa idea mengadaptasi logo rasmi Malaysia Madani ke dalam motif batik memberi nafas baharu terhadap penampilan pasukan yang dianggotai 36 kakitangan daripada 14 jabatan.

"Selama ini kita hanya mendengar slogan dan melihat logo rasmi Malaysia Madani, tetapi kali ini kami cuba menterjemahkannya melalui rekaan pakaian supaya mesejnya lebih dekat dengan masyarakat," katanya ketika ditemui wartawan pelatih Buletin Mutiara, **M. DANESWARAN** pada 8 September lalu.

Buletin Mutiara difahamkan bahawa pasukan kawad MBPP turut menonjolkan kepelbagaian kaum, selaras dengan nilai kesamarataan yang ditekankan dalam falsafah Malaysia Madani.

Selain pakaian, menurut Azman, kontinjen MBPP turut mempamerkan aset operasi seperti motosikal warden trafik, motosikal elektrik serta kenderaan tunda yang digunakan dalam tugas harian.

"Kami mahu masyarakat faham kepentingan aset ini untuk memastikan kelancaran trafik di kawasan pulau yang padat, malah ia juga simbol komitmen bahawa MBPP sentiasa bersedia bertindak sekiranya berlaku gangguan," katanya.

Bagi persediaan, Azman memberitahu bahawa anggota kontinjen MBPP menjalani latihan intensif bersama Pasukan Simpanan Askar Wataniah 509 yang merangkumi teknik kawad, disiplin dan kerjasama berpasukan.

"Latihan ini bukan sahaja meningkatkan mutu kawad, malah menanam disiplin dan rasa tanggungjawab yang dibawa ke tempat kerja. Ia seperti konsep dua dalam satu," katanya lagi.

Tambah beliau, konsep pakaian mula dirangka sejak Jun lalu melalui sesi perbincangan bersama-sama ahli pasukan dengan kos pula berjaya diminimumkan dengan kerjasama pengusaha tempatan iaitu sekitar RM200 sepasang.




**SETIAUSAHA Bandaraya MBPP, Sr. Cheong Chee Hong (enam dari kiri) menerima cek cura selepas diumumkan sebagai pemenang pakaian terbaik.**



**AZMAN Sirun.**

"Cabaran utama adalah kekangan masa kerana anggota perlu membahagikan komitmen kerja harian dengan latihan kawad sekurang-kurangnya dua kali seminggu.

"Namun, semangat kebersamaan dan sokongan berterusan menjadikan penyertaan kali ini lebih bermakna ditambah pula, ramai penonton mengambil peluang bergambar bersama pasukan kami," ujarnya.

Mengakhiri perbualan, Azman menyifatkan kejayaan itu hanyalah permulaan.

"Menang itu satu hal, mengekalkan kemenangan lebih mencabar.

"Tahun depan, kami sasarkan idea yang lebih kreatif dengan penampilan yang lebih mantap," katanya sambil berharap dapat mengulangi kejayaan tahun ini.




**PIALA kemenangan pakaian terbaik yang diterima oleh kontinjen MBPP baru-baru ini.**



**KONTINJEN MBPP bergaya dengan pakaian bertemakan Malaysia Madani berwarna-warni.**

# Pulau Pinang perkukuh industri tuna

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **MUHAMAD AMIR IRSYAD OMAR**

**BAGAN DALAM –** Pulau Pinang mengorak satu lagi langkah penting dalam industri tuna melalui pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara Asia Ocean Resources Sdn. Bhd. (AORSB) dan Penang Port Sdn. Bhd. (PPSB).

Majlis tersebut yang berlangsung di Dermaga Air Dalam Butterworth (BDWW), Bagan Dalam, sekali gus meletakkan Pelabuhan Pulau Pinang sebagai hab utama pendaratan tuna di rantau ini.

Acara menandatangani MoA itu disaksikan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi serta Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol.

AORSB diwakili Pengarahnya, Simon Pua, manakala PPSB oleh Ketua Pegawai Eksekutif MMC Port Holdings Berhad, Datuk Azman Shah Mohd. Yusof.

Majlis itu turut menyaksikan pendaratan hasil tuna sejuk beku pada suhu -60 darjah Celsius serta pelancaran produk premium *Shinkai Origin* khusus untuk pasaran antarabangsa.

Menurut Azman Shah, melalui MoA tersebut, AORSB akan melabur sebanyak RM19 juta bagi membangunkan fasiliti pendaratan eksklusif -60°C serta tangki simpanan tuna di BDWW untuk tempoh 29 tahun.

"Pelaburan ini bukan hanya berkaitan pembangunan infrastruktur, tetapi turut menandakan komitmen jangka panjang bagi mewujudkan ekosistem yang direka untuk memenuhi piawaian ketat Kesatuan Eropah (EU)," katanya pada majlis berkenaan di sini, 16 September lalu.

Beliau menambah, inisiatif tersebut akan menjadikan Pulau Pinang sebagai pemangkin pembangunan hab tuna serantau — bukan sekadar pusat pendaratan, malah turut merangkumi pemprosesan, penyelidikan, latihan serta perdagangan global.

"Ia akan mengubah Pelabuhan Pulau Pinang daripada sekadar menyediakan perkhidmatan kargo konvensional kepada pintu masuk strategik rantaian bekalan makanan laut bernilai tinggi, sekali gus meningkatkan kedudukannya dalam industri perikanan antarabangsa.

"Lebih penting lagi, projek ini akan menjadi pemacu ekonomi baharu untuk Butterworth dan negeri Pulau Pinang.

"Ia dijangka mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran, merancakkan pertumbuhan industri sokongan seperti logistik dan perkhidmatan berkaitan, serta meningkatkan nilai eksport negara," tambahnya.

Sementara itu, Ahmad Zahid berkata, pelancaran jenama *Shinkai Origin* menandakan produk laut dalam Malaysia kini mampu menembusi pasaran premium antarabangsa termasuk EU, Timur Tengah, BRICS dan Amerika Syarikat.

Beliau menegaskan, inisiatif ini juga seiring dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMKe-13) yang menekankan industri bernilai tinggi dan berteknologi maju, khususnya dalam sektor Ekonomi Biru, Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET), inovasi dan sekuriti makanan.

"Dalam kerangka RMKe-13, tumpuan diberikan kepada peluasan akses latihan kemahiran, peningkatan kadar gaji graduan TVET, serta pelaksanaan strategi berfokus yang menyelaras kehendak industri dengan pembangunan ekonomi negara.



**KETUA Menteri bersama-sama Ahmad Zahid Hamidi (berkemeja putih) dan pihak-pihak berkaitan ketika menyaksikan pendaratan tuna dekat Dermaga Air Dalam Butterworth di sini baru-baru ini.**

"Projek tuna premium ini adalah contoh bagaimana pelabuhan strategik dalam industri maritim bukan sahaja menyumbang kepada nilai eksport berbilion ringgit, malah memperkukuh sekuriti makanan negara, memacu pembangunan kluster ekonomi baharu, serta menyokong aspirasi Malaysia untuk muncul sebagai hab ekonomi biru serantau," ujarnya.

Ahmad Zahid turut menekankan bahawa ekosistem TVET akan dimanfaatkan untuk melahirkan tenaga mahir dalam industri maritim, sekali gus membuka peluang kepada lebih ramai anak muda menyertai bidang penangkapan laut dalam.

"Kejayaan industri bukan sekadar diukur melalui angka eksport, tetapi juga sejauh mana ia membuka peluang kepada rakyat.

"Ketika sesi libat urus Belanjawan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) baru-baru ini, saya telah mencadangkan agar diwujudkan TVET Maritim yang sesuai dengan ekosistem setempat, khususnya bagi meningkatkan penglibatan anak muda dalam bidang ini.

"Kini terdapat lebih 436,000 pelajar TVET berdaftar di seluruh negara, membuktikan sambutan yang amat tinggi dalam kalangan belia tempatan.

"Sehubungan itu, saya mahu projek tuna premium ini membuka satu lagi kluster baharu dalam ekosistem TVET Malaysia, iaitu kluster maritim dan perikanan laut dalam," ujarnya.




**AZMAN Shah Mohd. Yusof (duduk, kiri sekali) dan Simon Pua menandatangani MoA sambil disaksikan oleh Ketua Menteri, Ahmad Zahid Hamidi (belakang, tengah) dan Fahmi Zainol.**

*(Sambungan dari muka 5).*

## Pantau secara digital

"Pada masa ini, kita masih menggunakan kaedah tradisional iaitu sekali tanam sekali tuai yang mana saya percaya dengan teknologi padi ratun ini, kita boleh menuai dua kali dalam tempoh masa singkat dengan sekali tanam sahaja.

"Saya yakin dengan aplikasi teknologi baharu ini, Pulau Pinang akan terus menyumbang terhadap produktiviti padi di Malaysia," jelasnya.

Selain melawat ke lokasi penanaman padi, Fahmi memberitahu bahawa beliau turut dibawa melihat teknologi pengurusan perikanan berasaskan digital.

Pemantauan secara digital menggunakan sistem gambar masa nyata atau *'real-time imaging system'* membolehkan aktiviti nelayan dipantau termasuk jumlah tangkapan ikan dan pendaftaran vessel.

"Teknologi ini juga dilihat berpotensi untuk dibawa masuk ke Pulau Pinang sebagai usaha meningkatkan keberkesanan pengurusan nelayan dan hasil laut," ujarnya.

Sementara itu, Presiden CEAP, **LEE ENG WAH** ketika ditemui berkata, lawatan lima hari ke Fujian itu amat bermakna dan memberi input mengenai teknologi pertanian moden.

"Lawatan tersebut amat bermakna kerana memberi pendedahan terhadap kaedah moden dalam pertanian dan perikanan yang mampu dimanfaatkan untuk pembangunan sektor berkenaan di Pulau Pinang serta Malaysia.

"Malah, ketika di sana, kami dimaklumkan bahawa berdasarkan keadaan cuaca dan persekitaran di negara ini, teknologi penanaman padi tersebut bukan sahaja membolehkan kita menuai padi dua kali malah mungkin lebih daripada itu.

"Jadi, saya juga bersetuju sekiranya Pulau Pinang dijadikan sebagai projek perintis bagi kaedah penanaman padi ini," katanya.

| ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid<br>mohdhamid@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 261 8715 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Gooi Zi Sen<br>gooizisen@penang.gov.my | (T) 012 - 500 1571 |
